

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]

TARIKH : 25.11.2015

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan senaraikan maklumat kewangan PTPTN (pinjaman diberikan, jumlah peminjam, bayaran balik dikutip dan baki hutang PTPTN dengan pemiutang) bagi tahun 2010 hingga 2014 dan unjuran yang sama bagi tahun 2015 hingga 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti berikut:

- i. Bagi tahun 2012, sebanyak 209,963 pinjaman diluluskan kepada pelajar dengan peruntukan sebanyak RM5.13 bilion sehingga tamat pengajian. Manakala sebanyak RM800.47 juta bayaran balik telah berjaya dikutip;
- ii. Bagi tahun 2013, sebanyak 222,349 pinjaman diluluskan kepada pelajar melibatkan peruntukan sebanyak RM5.54 bilion sehingga tamat pengajian. Manakala sebanyak RM1.21 bilion bayaran balik telah berjaya dikutip; dan

- iii. Bagi tahun 2014, sebanyak 189,165 pinjaman diluluskan kepada pelajar melibatkan peruntukan sebanyak RM5.08 bilion sehingga tamat pengajian. Manakala sebanyak RM716.59 juta bayaran balik telah berjaya dikutip.

Pada tahun 2015, PTPTN memperuntukkan jumlah pembiayaan sebanyak RM5.88 billion kepada 215,655 orang peminjam baharu. Manakala, pada tahun 2016 diunjurkan peruntukan sebanyak RM6.36 billion melibatkan seramai 235,305 orang peminjam baharu. Jumlah kutipan bayaran balik yang disasarkan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM750 juta dan sebanyak RM1.16 bilion pada tahun 2016.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI
PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITINGAN [KENINGAU]
[BN-PBS]**

TARIKH : 25 NOV 2015, RABU

SOALAN : 29

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah pembinaan Bangunan Maktab Rendah Sains MARA di daerah Keningau di lokasi Kampung Pagansangon Jalan Apin-Apin Keningau akan dibina memandangkan kelulusan ini telah diumumkan pada tahun 2012.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, pada masa sekarang terdapat tiga (3) buah MRSM yang sedang beroperasi di Sabah iaitu MRSM Kota Kinabalu, MRSM Tun Mustapha, Tawau dan MRSM Tun Mohamad Fuad Stephens, Sandakan serta sebuah MRSM yang sedang dalam pembinaan iaitu MRSM Semporna.

Mengenai cadangan pembinaan sebuah MRSM di Parlimen Keningau, permohonan akan dibuat kepada agensi pusat.